



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA

Pada minggu Ke-8 tahun 2017, iaitu dari 19 Februari hingga 25 Februari 2017, sejumlah 1,937 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 22 kes (1.1%) berbanding 1,915 kes pada minggu sebelumnya namun terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Kedah dan Pahang. Jumlah kumulatif kes yang dilaporkan dari bulan Januari sehingga 25 Februari 2017 adalah 14,513 kes, berbanding 25,403 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 43% (10,890 kes).

Terdapat enam (6) kes kematian dilaporkan sepanjang Minggu Ke-8 menjadikan kumulatif kematian Denggi sehingga 25 Februari 2017 adalah sebanyak 40 kematian, berbanding 54 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 14 kematian (26%).

Pemantauan lokaliti wabak Demam Denggi menunjukkan sebanyak 678 lokaliti wabak yang masih aktif manakala terdapat 94 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan 5 buah negeri iaitu di Selangor (69 lokaliti), Perak (15 lokaliti), WPKL & Putrajaya (4 lokaliti) dan masing-masing 3 lokaliti di Johor serta Negeri Sembilan.

Pada Minggu ke-8 tahun 2017, tren kes denggi telah menunjukkan peningkatan semula, bagi orang ramai yang berada di kawasan berwabak digalakkan untuk menggunakan semburan racun aerosol untuk kegunaan

di dalam rumah dan beri kerjasama sepenuhnya kepada anggota kesihatan yang menjalankan aktiviti semburan kabus di kawasan anda, di samping memastikan persekitaran rumah bebas dari pembiakan Aedes.

Bermula pada 15 Februari 2017 sehingga 2 Mac 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima laporan mengenai kejadian kes Chikungunya dari Baling, Kedah dan Gombak, Selangor. Bagi tempoh tersebut terdapat 50 kes disahkan dengan ujian darah yang positif untuk Chikungunya iaitu melibatkan sebanyak 36 kes dilaporkan dari Daerah Baling, Kedah dan 14 kes dari di Daerah Gombak, Selangor. Kes terakhir dilaporkan dari Baling, Kedah dan Gombak, Selangor adalah pada 1 Mac 2017. Terdapat 5 lokaliti yang melaporkan kes Chikungunya iaitu 4 lokaliti di Daerah Baling, Kedah dan satu lokaliti di Gombak, Selangor. Empat (4) lokaliti yang melaporkan kes di Baling, Kedah adalah di Taman Batu Pekaka, Jalan Market, Taman Orkid, Taman Insaniah, Taman Sheikh Fadzir dan Taman Tanjung Puteri dan Kampung Jernang, manakala satu lokaliti di Kg. Simpang Tiga, Gombak, Selangor. Simptom penyakit Chikungunya termasuk demam, ruam biasanya membabitkan kaki, tangan dan badan, dan sakit badan atau sakit sendi yang boleh menjadi teruk sehingga menghadkan pergerakan pesakit. Terdapat juga pesakit yang mengalami sakit kepala dan jangkitan conjunktiva.

Bagi situasi jangkitan Zika, terdapat sebanyak 76 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 2 Februari 2017. Di Malaysia, terdapat sebanyak lapan (8) kes disahkan positif jangkitan virus Zika yang telah dilaporkan sepanjang tempoh dari 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2016. Pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari 1 Januari sehingga 25 Februari 2017, mendapati keputusan ujian bagi 235 sampel darah dan air

kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Memandangkan transmisi jangkitan Denggi, Chikungunya dan Zika adalah melalui vektor yang sama iaitu nyamuk Aedes. Oleh itu, KKM menyeru agar masyarakat meningkatkan aktiviti pencegahan seperti membersihkan kawasan kediaman dan premis masing-masing serta menghapuskan tempat pembiakan Aedes. Rumah kediaman atau bangunan juga disarankan untuk memasang jaringan nyamuk di tingkap dan pintu rumah. Masyarakat juga disarankan menggunakan semburan aerosol bagi menghapuskan nyamuk dewasa terutama di belakang langsir atau bawah meja dalam rumah. Selain itu, individu perlu mengamalkan langkah perlindungan diri seperti memakai pakaian cerah yang menutup anggota dan menggunakan repelen. Selain itu, orang ramai perlu mendapatkan rawatan segera jika mempunyai gejala-gejala Denggi, Zika dan Chikungunya seperti demam, sakit sendi dan ruam. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Zika dan Chikungunya.**

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

5 Mac 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 08/2017
(19 Februari hingga 25 Februari 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 08/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 08/2016	
		Minggu 08 (19 Feb – 25 Feb 2017)		Minggu 07 (12 Feb – 18 Feb 2017)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	7	0	8	0	37	0	52	0
2	Kedah	31	0	20	0	217	1	186	1
3	P. Pinang	30	0	36	1	324	4	1213	9
4	Perak	225	1	175	0	1,223	5	977	0
5	Selangor	994	2	1047	0	7,687	8	12776	17
6	WP KL & Putrajaya	169	1	148	2	1,177	9	1678	2
7	N. Sembilan	66	1	74	1	556	5	680	5
8	Melaka	51	0	31	0	349	0	554	1
9	Johor	133	0	135	0	1,039	4	3792	3
10	Pahang	47	0	42	0	412	0	654	2
11	Terengganu	8	0	9	0	57	0	1100	9
12	Kelantan	107	1	107	0	766	1	518	1
13	Sarawak	24	0	37	1	308	1	391	3
14	Sabah	45	0	46	0	361	2	830	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	0	0	2	0
	MALAYSIA	1,937	6	1915	5	14,513	40	25403	54

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 06/2017
(19 Februari hingga 25 Februari 2017)**

Bil	Negeri	Daerah	Nama Lokaliti Wabak	Kumulatif	Tempoh Masa Wabak Berlaku (Hari)
1	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	108	207
2	Selangor	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	86	153
3	Selangor	Gombak	Tmn Melawati (F)	42	123
4	Selangor	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2)	76	108
5	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	69	107
6	Selangor	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	34	95
7	Selangor	Gombak	Kg Klang Gate	17	88
8	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	16	80
9	Selangor	Hulu Langat	Appt Pendekar Jalan Tun Perak	21	78
10	Selangor	Gombak	Kg Sg Kertas Zon A	14	72
11	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	17	72
12	N. Sembilan	Seremban	Emerald Park	15	71
13	Selangor	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	28	68
14	Selangor	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Melor	11	67
15	Selangor	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	13	65

16	Selangor	Petaling	Seksyen U5 (Pangapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	21	64
17	Selangor	Gombak	Kg Simpang 3 (Jln Changkat)	14	63
18	Selangor	Petaling	Seksyen 28 (Flat A : Blok 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19)	16	62
19	Selangor	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	14	61
20	Selangor	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	24	60
21	Selangor	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	13	60
22	Selangor	Petaling	Seksyen 24 (Flat J : Blok 79 - 84)	13	58
23	Perak	Kinta	Tmn Sin Far	29	57
24	Selangor	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai & Rumah Kedai)	17	56
25	Perak	Kinta	Tmn Shatin	22	55
26	Selangor	Kuala Langat	Taman Dato Hormat (Jalan Pandan)	15	54
27	Selangor	Hulu Langat	Jalan Bunga Kemboja 1-11 Taman Muda	7	53
28	Selangor	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	19	52
29	Selangor	Petaling	Seksyen 17 (Flat Jln 17/2, 17/24, 17/26 : Blok 1 - 10)	22	52
30	Perak	Kinta	Rapat Setia	11	52
31	Selangor	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	28	51
32	Perak	Kinta	Bandar Lahat Baru	19	51
33	Selangor	Gombak	Au5c Taman Keramat	12	50
34	Selangor	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	22	50

35	Selangor	Petaling	Pst Bdr Puchong 2 (Akasia Apt)	20	50
36	Selangor	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	25	50
37	Perak	Kinta	Panorama Lapangan Perdana	13	49
38	Selangor	Petaling	Seksyen 19 (Teres D : Jln 19/16 - 19/23d)	5	48
39	Selangor	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	17	48
40	Selangor	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	18	48
41	Perak	Kinta	Kg Baru Buntong	18	47
42	Perak	Kinta	Kg Bercham	11	47
43	Selangor	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	16	47
44	Perak	Kinta	Tmn Sri Tanjung	32	46
45	Selangor	Gombak	Kg Melayu Bt Caves	10	46
46	Selangor	Hulu Langat	Taman Cheras Permata 1 Batu 9 Cheras	10	46
47	Perak	Kinta	Tmn Intan	17	46
48	Selangor	Klang	Sek 16 (Pangsapuri Rimba Jaya)	12	45
49	Wpkl	Cheras	Apartment Lumayan, Bdr Sri Permaisuri	11	45
50	Selangor	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Tempua	5	45
51	Johor	Johor Bharu	Tmn D'utama	9	44
52	Selangor	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	16	44
53	Selangor	Sepang	Taman Desa Sentosa Fasa 2	11	43
54	Selangor	Kuala Langat	Taman Jaya Utama Zon 1	12	43
55	Selangor	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 1 (Jln Sb Indah 1/2-1/9)	13	42

56	Selangor	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 8	13	42
57	Wpkl	Cheras	Appt Arena Green,Bukit Jalil	9	41
58	Selangor	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	13	41
59	Selangor	Hulu Langat	Pangsapuri Mewah Taman Damai Mewah	10	41
60	Wpkl	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	12	41
61	Selangor	Petaling	Bt 14 Kg Bunga Melor	8	41
62	N. Sembilan	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 3	7	40
63	Selangor	Gombak	Tmn Greenwood	12	40
64	Selangor	Klang	Kg Raja Uda, Jln Siantan	16	40
65	Selangor	Hulu Langat	Flat 610 Pandan Indah	14	40
66	Selangor	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	7	40
67	Selangor	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Sri Putra	10	40
68	Selangor	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Teknologi	10	39
69	Wpkl	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	9	39
70	Selangor	Hulu Langat	Jalan Tps 4/1-4/9 Taman Pelangi Semenyih	18	39
71	Selangor	Gombak	Tmn Selaseh Fasa 2	11	37
72	Selangor	Klang	Seksyen 36 (Apt Sri Palma)	5	37
73	Johor	Johor Bharu	Tapak Projek R&F Tanjung Puteri	11	37
74	Selangor	Gombak	Selayang Baru Zon 12	8	36
75	Selangor	Hulu Langat	Jalan 8/31-32 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	18	35

76	Selangor	Petaling	Usj 11/3	11	35
77	Selangor	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	11	35
78	N. Sembilan	Seremban	Taman Semarak Fasa 2	8	34
79	Selangor	Gombak	Hostel Uitm Selayang	14	34
80	Selangor	Petaling	BI Pju 9 Sd 7	7	34
81	Selangor	Sepang	Apt Kekwa	13	34
82	Perak	Kinta	Tmn Menglembu	7	33
83	Selangor	Petaling	BI Pju 6 Flat Pelangi Damansara (G,H,I,J,K)	8	33
84	Perak	Kinta	Waller Court	6	33
85	Perak	Kinta	Tmn Maju Rapat	7	33
86	Johor	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_Jln Pulasan 27-42	6	33
87	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunnsfield Riverview)	7	32
88	Selangor	Gombak	Appt Azalea Court	4	32
89	Perak	Kinta	Tmn Chepor Jaya	6	32
90	Selangor	Petaling	Kd Pju 3 Tr 1 - Tr 9	5	32
91	Selangor	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	10	32
92	Perak	Kinta	Kg Tersusun Sentang	6	32
93	Perak	Kinta	Kg Baru Kuala Kuang	7	32
94	Selangor	Hulu Langat	Appt Sri Ria Taman Sepakat Indah	6	31